

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN**DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

**DARIPADA : Y.B. PUAN NURUL IZZAH BINTI ANWAR
(LEMBAH PANTAI)**

PERTANYAAN : LISAN

TARIKH : 16.11.2017

Y.B. PUAN NURUL IZZAH BINTI ANWAR [LEMBAH PANTAI]

minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan adakah penggunaan kad Touch & Go sebagai medium pembayaran dalam belian dan jualan akan meningkatkan kos melalui kadar caj servis yang dikenakan.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, kebanyakan penyedia perkhidmatan tidak mengenakan sebarang caj untuk penggunaan kad Touch 'n Go (TnG) untuk pembayaran dalam belian seperti pembayaran tol di lebuh raya dan pembelian runcit. Walau bagaimanapun, terdapat sesetengah penyedia perkhidmatan seperti

pengendali tempat letak kereta yang mengenakan caj untuk penggunaan kad TnG bagi menanggung kos pengendalian dan pengurusan fasiliti serta sistem TnG di lokasi-lokasi yang menawarkan kemudahan penggunaan kad TnG. Namun terdapat juga pengendali tempat letak kereta yang memilih untuk tidak mengenakan caj perkhidmatan TnG dan menanggung keseluruhan kos yang berkaitan.

Dalam hal ini, TnG sedang dalam perundingan / perbincangan dengan penyedia perkhidmatan seperti pengendali tempat letak kereta untuk menyerap kos penyediaan dan penyelenggaraan sistem TnG. Walau bagaimanapun, keputusan untuk mengenakan caj perkhidmatan bagi penggunaan kad TnG adalah tertakluk kepada penilaian dan budi bicara penyedia perkhidmatan.